



Rujukan : UKM BEN 100-1/3/3  
Tarikh : 7 Julai 2020

Pelanggan pembekal yang dihormati,

Tuan/Puan,

### PELAKSANAAN PENGGUNAAN SISTEM NETs DALAM URUSAN PEROLEHAN UKM

Dengan hormatnya, merujuk perkara di atas dan sukacita dimaklumkan bahawa, semua urusan perolehan UKM **tidak lagi menggunakan Portal ePembekal** dan digantikan dengan sistem **ePerolehan UKM iaitu buat masa ini dikenali sebagai NETs** yang boleh dicapai melalui <https://ukm.perolehan.com.my/> berkuatkuasa mulai 10 Mac 2020.

Sehubungan itu, mohon kerjasama tuan/puan untuk membuat urusan **pendaftaran dan pengemaskinian** semula maklumat pembekal di dalam Sistem NETs dengan **kadar segera**. Kegagalan pihak tuan/puan berbuat demikian menyebabkan maklumat syarikat tuan/puan tidak berdaftar sebagai pembekal di UKM dan tidak dapat menerima sebarang pemakluman kenyataan tawaran, pembukaan dan keputusan tender/ sebut harga.

Bersama-sama ini dilampirkan Manual Pengguna Pendaftaran Pembekal untuk rujukan tuan/puan. Sebarang pertanyaan, pihak tuan/puan boleh email kepada [perolehan@ukm.edu.my](mailto:perolehan@ukm.edu.my) atau berhubung dengan urusetia dibawah :-

- i. Bahagian Perolehan, UKM – No. Tel. 03-89213553 / 3131 (En. Irwan / Pn. Nuridayu)
- ii. Bahagian Perolehan, HCTM – No. Tel. 03-91455208 / 5216 (Pn. Nurul / En. Ahmad)

Sekian, segala kerjasama dan perhatian yang diberikan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Yang benar,

**NORINI MOHAMAD**

Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan & Inovasi) UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik & Antarabangsa) UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni) UKM



CERTIFIED TO MS ISO 9001: 2015

Cert. No. : QMS01547

